

SOALAN NO: 41

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SRI DR S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATUK HAJAH NORAH BINTI ABD RAHMAN
[TANJONG MANIS]**

TARIKH : 9 NOVEMBER 2016

SOALAN :

YB Datuk Hajah Norah binti Abd Rahman [Tanjong Manis] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan sama ada Kementerian bercadang untuk menambah sistem perundangan yang tidak membenarkan logo halal digunakan pada produk farmaseutikal.

Tuan Yang di-Pertua,

Buat masa ini, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hanya membenarkan penggunaan logo halal bagi produk berdaftar dalam kategori bukan racun (*over-the-counter*, OTC), ubat tradisional, suplemen kesihatan dan kosmetik bagi pasaran tempatan dan eksport. Bagi penggunaan logo halal, hanya logo halal yang diperakui dan dikeluarkan oleh JAKIM atau dari Badan Islam yang diiktiraf oleh pihak JAKIM boleh digunakan. Walau bagaimanapun, penggunaan logo halal bagi kategori produk-produk ini adalah secara volontari.

Bagi produk yang berdaftar di bawah kategori ubat terkawal, Kementerian ini masih mengekalkan dasar sedia ada iaitu tidak membenarkan logo halal digunakan pada label produk tersebut. Walau bagaimanapun, dalam keperluan pelabelan mandatori yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Kawalan Dadah, syarikat pemegang pendaftaran produk mestilah mengisyiharkan sebarang maklumat berkaitan sumber bahan kandungan dan sarung kapsul/*softgel* yang berasal daripada haiwan pada label produk.

Penggunaan logo halal pada produk farmaseutikal yang memerlukan preskripsi doktor (ubat terkawal) masih dalam perbincangan. KKM khuatir sekiranya tiada logo halal pada ubat-ubatan tersebut, pengguna Islam beranggapan penggunaan ubat berkenaan adalah haram dan tidak meneruskan rawatan penyakit. Walau bagaimanapun, KKM terbuka kepada cadangan daripada mana-mana pihak dan sedia berbincang sekiranya terdapat keperluan untuk meminda dasar sedia ada.

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : PUAN RUBIAH BINTI HAJI
WANG
(KOTA SAMARAHAN)**

TARIKH : 9.11.2016

SOALAN : 42

Minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan usaha Kementerian untuk menangani kelewatan pelaksanaan projek bekalan elektrik luar bandar (RES) dan memaklumkan melalui statistik projek-projek yang telah dilaksanakan untuk kawasan Parlimen Kota Samarahan.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman YB, Kementerian sentiasa komited dalam memastikan penyambungan bekalan elektrik dapat dicapai dan disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan. Bagi tujuan tersebut, Kementerian telah menubuhkan “*Task Force*” projek BELB Negeri Sarawak yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian dan turut dianggotai oleh wakil dari Kementerian Kemudahan Awam Sarawak (KKA) dan Sarawak Energy Berhad (SEB). Penubuhan “*Task Force*” ini bertujuan untuk menangani kelewatan pelaksanaan projek BELB khusus bagi negeri Sarawak.

Mengenai projek-projek BELB yang telah dilaksanakan untuk kawasan Parlimen Kota Samarahan, Kementerian mulai tahun 2009 sehingga 2015 telah melaksanakan projek BELB kepada 3,628 buah rumah di dalam Parlimen Kota Samarahan yang melibatkan kos keseluruhan berjumlah RM87.04 juta.